

Empangan dibuka, banjir tak surut

JOHOR BAHRU: Walaupun banjir di kebanyakan kawasan di negeri ini semakin pulih, daerah Batu Pahat terus dinaiki air yang dijangka berlarutan beberapa hari lagi berikutan dua empangan berhampiran melepaskan air secara automatik kerana melebihi paras bahaya.

Hujan lebat dua jam di Parit Sulong petang semalam, turut mencetuskan kebimbangan kemungkinan banjir di daerah itu bertambah buruk. Malah, ramai mangsa yang sudah pulang ke rumah, terpaksa kembali semula ke pusat pemindahan.

Sehingga petang semalam, 47,205 mangsa banjir di daerah itu ditempatkan di 111 pusat pemindahan, meningkat 1,211 berbanding 45,994 orang kelmarin. Jalan Parit Raja, Jalan Yong Peng-Parit Sulong, Jalan Kangkar Baru-Paloh, Jalan Sengkuang-Seri Bengkal, Jalan Yong Peng-Labis dan Jalan Batu Pahat-Kluang juga masih ditutup.

Pada jam 11 pagi semalam, air di Empangan Sembrong, Batu Pahat mencatat 12.02 meter, melebihi paras bahaya 12 meter. Empangan Bekok di Segamat turut melebihi paras bahaya 17.5 meter dengan mencecah 18.95 meter.

Empangan Machap di Kluang pula mencecah 16.56 meter melebihi paras berjaga-jaga 16.50 meter dan Empangan Labong, Mersing mencatat 8.6 meter menghampiri paras berjaga-jaga 9.45 meter.

LIHAT MUKA 2


INFO

Jalan ditutup di Johor

- Jalan Kluang-Yong Peng
- Jalan Ladang Sungai Tawing-Paloh
- Jalan Ladang Selai
- Jalan Kahang-Taman Negara, Jalan Mersing-Felda Nitar
- KM 23 Jalan Felda Nitar-Kluang
- Jalan Chaah-Yong Peng

INFO

Paras air empat empangan di Johor



Pelepasan air dihenti jika hujan tak lebat

DARI MUKA 1

Empat empangan itu dikendalikan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), manakala empat lagi - Empangan Juaseh (Segamat), Chongkok (Mersing), Lebam (Kota Tinggi) dan Ledang (Muar) diuruskan Syarikat Air Johor Holdings (SAJH) dan satu empangan lain, iaitu Empangan Linggiu di Kota Tinggi diuruskan Public Utility Board (PUB) Singapura.

Ketua Pengarah JPS, Datuk Keizrul Abdullah, ketika dihubungi *Berita Harian*, berkata pelepasan air dari beberapa empangan itu akan dihentikan jika tiada hujan lebat dalam tempoh sehari dua ini.

"Kita terpaksa lepaskan air secara berperingkat bagi mengelak kemungkinan empangan terjejas. Bagaimanapun, kita amat berhati-hati dalam melakukan pelepasan air bagi mengelak kesan lebih besar di kawasan hilir.

"Orang ramai tidak sepatutnya marah, sebaliknya memahami keperluan pelepasan air dari empangan," katanya yang menyertai lawatan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah ke Batu Pahat, semalam.

Beliau berkata, kewujudan empangan sebenarnya mengurangkan kesan dan kerugian yang terpaksa ditanggung akibat bencana banjir.

"Bayangkan jika semua empangan itu tiada di Johor. Ini bermakna kawasan banjir lebih luas dan airnya lebih dalam serta mengambil masa lebih lama untuk surut," katanya.

Sementara itu, bandar Kota Tinggi, antara yang paling teruk dilanda banjir, pulih sepenuhnya dengan semua jalan sudah boleh dilalui selepas JPS mengempam keluar air di pusat bandar itu sejak kelmarin.

Bagaimanapun, 12,791 mangsa banjir di Kota Tinggi masih ditempatkan di pusat pemindahan, Kluang (2,563), Mersing (1,803), Pontian (704), Muar (585), Johor Bahru Selatan (376) dan Segamat (517).